

09 MAR 1997

Mustapa-Usahawan

PENDEKATAN BERSEPADU UNTUK WUJUD RAMAI USAHAWAN BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Lima kementerian dan kerajaan negeri akan bermesyuarat minggu depan bagi merangka satu pendekatan bersepadu dalam usaha mewujudkan lebih ramai golongan usahawan Bumiputera kelas pertengahan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata mesyuarat khas yang akan diadakan 17 Mac ini adalah atas arahan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mesyuarat di antara kementerian itu bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan menteri-menteri besar itu bertujuan untuk mengkaji semula program pembangunan usahawan Bumiputera yang sedia ada.

Mustapa berkata demikian kepada pemberita selepas majlis sambutan Hari Raya dan Tahun Baru Cina serta perasmian mesyuarat Persatuan Usahawan Pasar Moden Gombak (PUPMG) di sini hari ini.

"Program mewujudkan golongan usahawan Bumiputera sudah ada, tetapi perlu ditingkatkan dan diperbaiki kerana mungkin terdapat beberapa kelemahan," katanya.

Menurut beliau pendekatan program baru yang lebih bersepadu itu akan dirangka dalam masa terdekat dan golongan usahawan Bumiputera perlu lebih agresif dan tidak hanya mengharap kepada kerajaan sahaja.

Mesyuarat itu selaras dengan desakan Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini supaya lebih ramai golongan Bumiputera kelas pertengahan diwujudkan memandangkan bilangan mereka masih kurang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 4 Mac lepas berkata usaha meningkatkan golongan Bumiputera kelas pertengahan boleh dilakukan melalui peluang perniagaan, latihan dalam bidang pengurusan, perniagaan secara francais dan sebagainya.

Menurut Mustapa, mesyuarat itu akan melihat semua program, sama ada dari segi bilangan, kualiti dan prestasi bagi merangka satu program yang lebih agresif melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera kelas pertengahan dan tenaga mahir.

Kementerian juga telah mengadakan dua mesyuarat iaitu dengan semua peringkat usahawan pada 24 Feb dan pelbagai agensi termasuk Jabatan Perdana Menteri dan MITI pada hari berikutnya bagi membincangkan usaha mencari pendekatan menambahkan golongan usahawan di kalangan Bumiputera.

Antara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu termasuk menambah peluang latihan bagi meningkat kemahiran sama ada di segi teknikal atau profesional, kemudahan dan peluang serta pemilikan saham di kalangan Bumiputera.

Mustapa berkata dalam usaha menambah pemilikan saham di kalangan Bumiputera, tindakan khusus perlu dijalankan terutama dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB).

"Kini terdapat hampir 60,000 Bumiputera yang melabur sehingga tahap maksimum iaitu RM100,000 dalam ASB dan di Tabung Haji terdapat 2,000 penyimpan yang menyimpan lebih RM100,000 yang dianggap sebagai kumpulan penting dalam golongan pertengahan Bumiputera," katanya.

--BERNAMA

NHD RON